

12 MAR 2000

UMNO BUKIT MERTAJAM CALON HAMPIR SEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI

BUKIT MERTAJAM, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Bukit Mertajam hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai presiden dan timbalan presiden Umno bagi pemilihan parti Mei ini.

Persidangan perwakilan bahagian yang dirasmikan ketua bahagian itu Datuk Dr Ibrahim Saad turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Abu Hassan Omar bagi merebut jawatan naib presiden.

Persidangan itu secara sebulat suara turut mencalonkan hampir kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk bertanding jawatan anggota Majlis Tertinggi (MT).

Mereka ialah Dr Ibrahim, Datuk Seri Shariff Omar, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Seri Ramli Ngah Talib, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Mohamed Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Osu Sukam, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Sulaiman Mohamed, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohamed Nazri Aziz, Datuk Khalid Yunus, Datuk Mohamed Shafei Apdal, Datuk Shahrir Samad, Datuk Sharizat Abdul Jalil, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Dr Afifuddin Omar, Datuk Awang Jabar, Datuk Salleh Tun Said Keruak, Datuk Maznah Hamid, Mohamed Azim Zabidi dan Datuk Ishak Ismail.

Terdahulu itu, Ibrahim ketika merasmikan persidangan berkenaan berkata kepimpinan Umno kini perlu lebih mantap bagi memastikan ia terus hidup dan berkembang.

"Umno sudah 50 tahun dan ia akan terus hidup sebagai parti pemerintah, oleh itu para pemimpin Umno haruslah sentiasa merancang untuk menghidupkan Umno sepanjang masa dengan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan parti," katanya.

-- BERNAMA

AA RON